

# Adakan usul undi percaya hak prerogatif Anwar

BH - 13/12/2022 w/d: 4

**Kuala Lumpur:** Keputusan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengadakan usul undi percaya terhadapnya pada sidang Dewan Rakyat minggu depan adalah hak prerogatifnya sebagai Ketua Majlis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata ia kerana berdasarkan sistem Westminster, sesiapa sahaja boleh mengusulkan undi percaya pada bila-bila masa.

“Untuk seorang Perdana Menteri mengadakan usul terbabit biarpun beliau sudah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, selain sokongan gabungan besar, kita perlu menghormati keputusannya.

“Bagi saya, Perdana Menteri adalah seorang yang berani kerana beliau mahu Ahli Parlimen menunjukkan sokongan mereka kepada dirinya,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan majlis penutup Forum Hari Hak Asasi Manusia 2022 bertemakan ‘Strengthening and Enhancing Human Rights Towards Leaving No One Behind’ di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berhubung agenda usul undi percaya yang akan berlangsung di Parlimen.

Mengulas lanjut, Azalina berkata, langkah mengadakan usul undi percaya dilihat sebagai usaha Perdana Menteri mengetengahkan Kerajaan Perpaduan yang mengutamakan ketelusan dan akauntabiliti.

“Bagi saya, Ahli Parlimen perlu menunjukkan sokongan mereka kerana ini adalah Kerajaan Perpaduan yang diperkenankan Yang di-Pertuan Agong. Jadi, kita tunggu dan lihat pada 19 dan 20 Disember ini,” katanya.

Anwar pada sidang pertamanya selepas mengangkat sumpah menegaskan akan membentangkan usul undi percaya bagi membuktikan keabsahannya sebagai Perdana Menteri ke-10.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, langkah itu penting bagi membuktikan keabsahan beliau dari segi persepsi politik, selain penafsiran dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, Azalina berkata, kerajaan bercadang menubuhkan Pasukan Khas me-

ngenai Reformasi Institusi merangkumi pemegang taruh berkaitan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, penubuhan pasukan terbabit bertujuan menjalankan kajian dan senarai cadangan membabitkan reformasi institusi untuk dibentangkan kepada Kabinet.

“Bagi memperluaskan pembabitan pasukan ini, mereka akan mengadakan libat urus dengan masyarakat awam dan pihak berkaitan yang mana mereka boleh menyerahkan cadangan terus kepada kami.

“Kami juga akan meneruskan usaha pentadbiran sebelum ini untuk mengusahakan pemansuhan hukuman mati mandatori dan digantikan dengan hukuman alternatif yang sesuai,” katanya.

## Tubuh suruhanjaya bebas

Azalina berkata, beliau juga akan cadangkan kepada Kabinet untuk tubuhkan Suruhanjaya Undang-Undang yang bebas daripada Jabatan Peguam Negara.

“Suruhanjaya bebas ini akan membolehkan mereka membatik diri dalam spektrum lebih luas, bukan saja dalam bidang perundangan, malah dalam kalangan ahli sosiologi, saintis dan komuniti perniagaan untuk mencadangkan pembaharuan kepada undang-undang diperlukan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga berhasrat memperkasakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) menerusi pindaan Akta SUHAKAM 1999 dengan memperluaskan lagi fungsi dan kuasa suruhanjaya itu.

Katanya, ia bagi memberi SUHAKAM kekuatan institusi diperlukan bagi mempromosi dan memartabatkan hak asasi manusia di Malaysia dengan lebih berkesan.

“Ini termasuk melantik individu dari pelbagai latar belakang dengan pengalaman dan pengetahuan sesuai dalam hak asasi manusia ke dalam SUHAKAM, malah semakan lanjut juga akan dibuat mengenai pengaturan pembiayaan kepada suruhanjaya ini untuk memastikan kebebasan SUHAKAM dapat dipelihara.

“Dengan keyakinan, kerjasama dan sokongan semua, kami akan berusaha memastikan Kerajaan Perpaduan komited bertindak mengikut cadangan diberikan SUHAKAM,” katanya.